

KEBAJIKAN ANAK TAK SAH TARAF ORANG ISLAM MENURUT PERSPEKTIF HUKUM SYARAK DAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA: SUATU ANALISA

Nuarrual Hilal Md Dahlan¹
Abd Ghani Ahmad^{2*}

ABSTRAK

Kebajikan merupakan aspek terpenting dalam mengurus kehidupan anak tak sah taraf. Hukum Syarak telah meletakkan garis panduan tentang keperluan menjaga kebajikan anak tak sah taraf orang Islam setanding dengan anak yang sah taraf. Begitu juga dalam undang-undang di negara kita khasnya undang-undang keluarga Islam turut diperuntukan fasal-fasal kebajikan demi menjamin aspek kebajikan tidak diabaikan oleh individu yang dikaitkan dengan anak tak sah taraf mahupun pihak berkuasa. Ternyata pelaksanaan kebajikan anak tak sah taraf orang Islam masih kurang memuaskan meskipun Hukum Syarak dan undang-undang telah memperuntukan dengan jelas. Objektif penulisan ini adalah untuk mengetahui sejauhmanakah aspek kebajikan anak tak sah taraf orang Islam dilaksanakan menurut perspektif Hukum Syarak dan peruntukan undang-undang di Malaysia. Kaedah penulisan ini berbentuk kualitatif sosial dan undang-undang berdasarkan data primer dan sekunder berkaitan kebajikan anak tak sah taraf orang Islam. Kaedah kepustakaan adalah asas utama dalam penulisan ini yang menganalisa secara perbandingan merujuk dalil-dalil usul fiqh Islam dan undang-undang sehingga mencapai satu kesimpulan yang kukuh dalam mengenalpasti pelaksanaan kebajikan terhadap anak tak sah taraf. Hasil penulisan ini mendapati bahawa pihak berkuasa terutamanya Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan NGO memainkan peranan penting dalam menjaga kebajikan anak tak sah taraf. Meskipun ibu dan waris ibu merupakan pihak utama yang bertanggungjawab menguruskan kebajikan terhadap anak tak sah taraf orang Islam tetapi ramai di kalangan mereka yang menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada pihak berkuasa dengan alasan terdapat peruntukan kewangan yang cukup dan prasarana yang selesa.

Kata kunci: Anak Tak Sah Taraf Orang Islam, Kebajikan Anak Tak Sah Taraf Orang Islam, Hukum Syarak, Undang-Undang di Malaysia, Pihak Yang Bertanggungjawab Melaksanakan Kebajikan

¹Profesor Madya di Institute for Governance and Innovation Studies (IGIS), UUM Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. Beliau juga merupakan penyelia tesis PhD Industri penulis kedua. Email: nuarrualhilal@gmail.com; hilal@uum.edu.my. HP: 012-5785455.

²Pelajar PhD Industri di Universiti Utara Malaysia (UUM) di bawah seliaan penulis pertama. Email: agba3480@yahoo.com.my; agba9900@gmail.com. HP: 019-4469596.

PENDAHULUAN

Islam menjamin hak anak-anak untuk mendapat kebajikan dalam kehidupan seharian di mana setiap ibu bapa difardhukan memberi nafkah dan hadhanah kepada anak-anak. Kewajipan memberi nafkah adalah seperti menyediakan keperluan makan-minum, pakaian, pendidikan dan belaian kasih sayang manakala kewajipan hadhanah pula ialah menyediakan tempat perlindungan yang selamat dan penjagaan yang sempurna.

Seluruh negeri di Malaysia dan Wilayah Persekutuan mempunyai peruntukan undang-undang tentang nafkah dan hadhanah demi menjamin dan memastikan hak-hak tersebut terpelihara. Bagi anak tak sah taraf, ibu dan waris ibu merupakan pihak utama yang bertanggungjawab menjaga kebajikan mereka. Kewajipan ini menyamai tugas seorang bapa yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas anak-anaknya apabila perkahwinan mereka sah di sisi Hukum Syarak dan diiktiraf oleh undang-undang.

Soal perkahwinan dan kelahiran anak-anak adalah perkara penting yang perlu melalui proses pemahaman ke arah pembentukan sistem kekeluargaan yang mempunyai perancangan tersendiri. Perancangan tersebut tidak boleh lari daripada kepentingan duniawi dan ukhrawi antara ibu bapa dan anak-anak. Tanpa proses tersebut akan wujud organisasi sistem kekeluargaan yang pincang iaitu lahirnya anak-anak yang terbuang, tercicir dan terhina yang membawa bencana bukan sahaja kepada kedua-dua ibu bapanya bahkan kepada masyarakat serta anak-anak zina yang menjadi barah kepada masyarakat (Muhammad Bakir Yaakob & Khatijah Othman, 2012 : 136).

Walau bagaimanapun, terdapat segelintir ibu dan waris ibu yang sanggup memelihara anak tak sah taraf tetapi mempunyai kesukaran untuk menyara nafkah dan hadhanah disebabkan faktor kemiskinan atau tidak mempunyai sebarang pekerjaan. Dalam hal ini, fungsi dan tugas pihak berkuasa seharusnya berperanan untuk membantu meringankan beban golongan tersebut agar kebajikan dan pengurusan anak mereka dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

Penulisan ini akan membincangkan isu kebajikan anak tak sah taraf seperti mana yang telah diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Kanak-Kanak 2001 dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Justeru itu, penulisan ini akan mengenalpasti sejauhmanakah aspek kebajikan anak tak sah taraf orang Islam dilaksanakan menurut perspektif Hukum Syarak dan peruntukan undang-undang di Malaysia.

DEFINISI KEBAJIKAN

Menurut Kamus Dewan (2007 : 110) kebajikan ialah sesuatu yang membawa kebaikan atau perbuatan baik atau kebaikan. Kebajikan berasal daripada perkataan bajik bererti buat baik, sesuatu yang murni. Ia melibatkan amal jariah ; niat dalam pertuturan dan perbuatan. Ia mempunyai konsep global, tentang duniawi dan ukhrawi.

Kebajikan masa kini memerlukan penonjolan untuk mendidik, membimbing dan menyedarkan masyarakat dalam slogan dan hasrat : “kebajikan tanggungjawab bersama” sebagai satu halacara bersepadu penglibatan semua dan untuk kebajikan semua. Kebajikan tidak hanya tertumpu kepada kerajaan semata-mata sebaliknya memerlukan pengembelangan tenaga semua pihak dalam membangunkan masyarakat dinamis yang berdaya maju (Wan Azmi Ramli, 1990 : 22).

Ahmad Shukri Abdul Hamid (2012 : 9) menjelaskan kebajikan kanak-kanak boleh didefinisikan sebagai satu kerangka minda atau pemikiran (fahaman) dan tindakan yang menjurus kepada penghasilan kebaikan atau kesejahteraan khusus kepada golongan kanak-kanak. Kebajikan kanak-kanak boleh dianggap sebagai suatu elemen struktur sosial yang lahir daripada interaksi keluarga dan berbentuk fizikal (bantuan kewangan dan keperluan asas) atau bukan fizikal (sokongan emosi, empati, ilmu, kemahiran dan sebagainya).

KONSEP KEBAJIKAN ANAK TAK SAH TARAF

Umumnya, ibu bapa berkewajipan menjaga kebajikan anak-anak seperti makan-minum, pakaian, pendidikan dan belaian kasih sayang dan menyediakan tempat tinggal yang baik dan sempurna yang menjadi nadi kehidupan mereka. Namun begitu, bagi anak tak sah taraf, tanggungjawab tersebut tidak terpikul ke atas 'bapa' yang menjadi punca kelahiran mereka sebaliknya kewajipan tersebut dipertanggungjawabkan kepada ibu atau waris ibu atau pihak berkuasa.

Terdapat beberapa senario tentang penjagaan anak tak sah taraf di kalangan ibu dan waris ibu. Ada di kalangan mereka yang berminat untuk menjaga anak tak sah taraf sama ada mereka terdiri di kalangan orang kaya atau orang miskin. Bagi keluarga kaya, urusan menyara keperluan hidup dan tempat tinggal tidak menjadi masalah kepada mereka. Bagi keluarga miskin, mereka berusaha membesarkan anak tersebut dengan kadar kemampuan ekonomi mereka dan jika ada bantuan daripada institusi kerajaan seperti Bantuan Kanak-Kanak (BKK) di bawah JKM, Baitulmal, Jabatan Zakat dan sebagainya, ini akan dapat meringankan bebanan mereka.

Sebaliknya, terdapat ibu atau waris ibu tidak sanggup memelihara anak tak sah taraf disebabkan rasa malu dengan masyarakat di sekeliling sama ada mereka terdiri di kalangan kaya atau miskin. Sebagai langkah terakhir, mereka menyerahkan anak tersebut kepada JKM untuk dipelihara atau diserahkan kepada keluarga angkat. Contohnya, Aini (bukan nama sebenar) berusia 16 tahun berasal dari Bandar Baharu, Kedah sedang mengandung anak luar nikah. Ibu bapanya menyedari Aini telah mengandung pada Februari 2014 lalu membawanya ke Pusat Jagaan Rumah Perlindungan Nurul Hana (PJRPNH) di Lot 1889, Jalan Kompleks Pendidikan, Jalan Stadium, Alor Setar, Kedah. Ibu bapanya tidak mahu memelihara anak tersebut sebaliknya akan diserahkan kepada keluarga angkat. Ibu bapanya mahu Aini meneruskan pengajiannya di Tingkatan Empat, SMK Sultan Ahmad Tajuddin, Bandar Baharu, Kedah. Pasangannya bercadang untuk mengahwininya tetapi dilarang oleh kedua ibu bapa Aini (Temubual, 2014, 06 Mei).

Di seluruh Malaysia, sebanyak 3831 kes kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dari JKM. Daripada jumlah tersebut, seramai 1287 orang kanak-kanak lelaki dan 2544 orang kanak-kanak perempuan yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dari JKM. Di negeri Kedah, seramai 105 kanak-kanak lelaki dan seramai 308 orang kanak-kanak perempuan daripada jumlah keseluruhannya iaitu 413 orang yang memohon pemeliharaan dan perlindungan kepada JKM (Laporan Statistik JKM Malaysia, 2012 : 98).

Terdapat tiga pusat jagaan kanak-kanak iaitu Rumah Kanak-Kanak (RKK), Rumah Budak Laki-Laki (RB) dan Rumah Tunas Harapan (RTH) yang disediakan oleh JKM. Ketiga-tiga institusi tersebut melaksanakan program jagaan dan perlindungan,

bimbingan dan kaunseling, pelajaran, latihan vokasional, didikan agama dan moral, riadah dan perubatan serta kesihatan. Sebilangan besar kanak-kanak yang mendiami di ketiga-tiga institusi tersebut berasa sangat selamat, sangat suka tinggal di situ dan sangat rapat serta berpuashati dengan petugas di institusi tersebut yang berperanan sebagai ibu bapa 'ganti' kepada mereka (Salma Ishak, Jusmawati Fauzaman, Noor Azizah Ahmad & Fauziah Shaffie, 2012 : 22).

Rumah perlindungan JKM dikawalselia oleh Pegawai Kebajikan dan dibantu oleh pekerja kebajikan di setiap daerah. Terdapat tiga isu penting di rumah perlindungan kanak-kanak JKM iaitu etnik yang berbeza, umur kanak-kanak yang sesuai untuk dijadikan anak angkat dan hubungan kanak-kanak dengan ibu bapa kandung.

Penempatan etnik kanak-kanak yang berbeza ialah suatu tindakan yang murni tetapi tidak praktikal. Ini disebabkan sosiobudaya di kalangan bangsa Melayu, Cina dan India jauh berbeza dengan masyarakat majmuk di Barat. Ia akan menjadi isu besar apabila melibatkan persoalan agama. Dari aspek umur kanak-kanak yang sesuai untuk dijadikan anak angkat, didapati semakin meningkat usia kanak-kanak semakin sukar kanak-kanak untuk dijadikan anak angkat. Kanak-kanak yang sudah meningkat usia agak sukar menyesuaikan diri dengan keluarga angkat. Oleh itu, penempatan di institusi lebih sesuai didiami berbanding tinggal bersama keluarga angkat.

Dari aspek hubungan kanak-kanak dengan ibu bapa kandung, didapati pertemuan semula antara kanak-kanak yang tinggal dengan keluarga angkat dengan ibu bapa kandung patut digalakkan. Ia juga dapat mengeratkan silaturrahim antara mereka bahawa ikatan persaudaraan tidak akan terputus antara anak dan ibu bapa kandung walaupun mereka dipelihara oleh keluarga angkat. Bagi orang Islam, batasan agama menghalang anak angkat dibin atau dibintikan kepada bapa angkat kerana ia akan menjejaskan hubungan mahram dan perwalian (Chan Cheong Chong, Azlin Hilma Hillaluddin & Iran Herman, 2012 : 43).

Selain itu, terdapat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu OrphanCARE yang beroperasi di Petaling Jaya, Selangor telah menubuhkan '*Baby Hatch*'. Baby Hatch merupakan tempat yang diwujudkan untuk menempatkan bayi-bayi yang tidak diingini atau bayi terbuang sebagai alternatif untuk menyelamatkan mereka daripada dibunuh. Bayi yang ditempatkan di '*Baby Hatch*' boleh diserahkan kepada mana-mana pihak yang ingin menjadikannya sebagai anak angkat setelah memenuhi pra-syarat yang ditetapkan oleh pihak pengurusan OrphanCARE. Setakat ini, OrphanCARE telah menerima 40 kes anak tidak diingini iaitu sebanyak 32 kes bayi dan 8 kes kanak-kanak sejak dilancarkan pada 29 Mei 2010 lalu. Daripada jumlah itu, 32 orang adalah berbangsa Melayu dan bakinya dari kaum Cina dan India. Terdapat 2 kes bayi yang diletakkan dalam '*Baby Hatch*' yang disediakan (Mohd Mahyeddin Mohd Salleh & Nisar Mohammad Ahmad, 2011 : 7).

KEBAJIKAN ANAK TAK SAH TARAF ORANG ISLAM MENURUT HUKUM SYARAK DAN UNDANG-UNDANG

Hukum Syarak

Kebajikan anak tak sah taraf menurut perspektif Hukum Syarak dapat dilihat dalam dua aspek iaitu nafkah dan hadhanah (penjagaan).

Nafkah ialah kalimah Arab yang berasal daripada *infaq* iaitu mengeluarkan. Dari sudut bahasa bermakna apa yang dikeluarkan oleh manusia terhadap anak-anaknya. Daripada istilah Syarak bermakna memberi perbelanjaan yang secukupnya daripada makanan, pakaian dan tempat tinggal (Dr Wahbah al-Zuhaily, 1989 : 786).

Hukum Syarak telah meletakkan kewajipan ibu memberi nafkah dan saraan hidup yang lain kepada anak tak sah taraf. Ini disebabkan anak tak sah taraf hanya *dinasabkan* kepada ibunya sahaja dan tidak *dinasabkan* kepada bapa yang menyetubuhi ibunya.

Kewajipan ibu memberi nafkah kepada anaknya telah dinyatakan di dalam al-Quran :

"Janganlah menjadikan seseorang ibu menderita kerana anaknya" (Al-Baqarah, 2 : 233).

Menurut fuqaha', hadhanah bererti menjaga dan mendidik kanak-kanak yang masih kecil oleh seseorang yang dipertanggungjawab ke atasnya. Penjagaan tersebut meliputi semua perkara yang menyentuh kehidupannya seperti mendidik, memimpin, mengawasi dan mengatur segala hal ehwal kanak-kanak sehingga umur tertentu (Al-Khatib, 1997 : 592).

Hukum Syarak telah meletakkan kewajipan menjaga anak tak sah taraf ialah kepada ibunya. Ini adalah berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W :

"Anak adalah hak pemilik hamparan (al-firasy) sedangkan orang yang berzina (al-'ahir) haknya adalah batu. (Riwayat Abu Hurairah r.a : 72)".

Hadis di atas telah dibincangkan melalui fatwa yang menjelaskan tentang kedudukan anak yang lahir daripada perzinaan tidak boleh *dinasabkan* kepada penzina lelaki meskipun penzina lelaki mengahwini penzina perempuan. Adalah diharuskan sekiranya penzina lelaki mengahwini penzina perempuan selepas selesai *eddah* dan melakukan taubat nasuha (Al-Dawish, 2002 : 388).

Undang-Undang

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi dalam negara telah meletakkan asas yang kukuh mengenai pembahagian bidangkuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tentang kebajikan anak tak sah taraf. Fasal 74 telah memperuntukan bidangkuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seperti yang terkandung dalam Senarai Pertama, Senarai Kedua dan Senarai Ketiga Jadual Kesembilan.

Dalam Senarai Pertama (Senarai Persekutuan) telah diperuntukan dalam Perkara 4 (e) (i) iaitu hal-hal yang berkaitan perceraian dan taraf anak. Dalam Senarai Kedua (Senarai

Negeri) telah diperuntukan dalam Perkara 1 berkaitan pengambilan anak angkat, taraf anak dan penjagaan anak. Dalam Senarai Ketiga pula (Senarai Bersama) telah diperuntukan dalam Perkara 1 iaitu hal-hal yang menyentuh kebajikan masyarakat ; perkhidmatan masyarakat tertakluk kepada Senarai Pertama dan Kedua ; perlindungan bagi perempuan, kanak-kanak dan orang-orang muda.

Oleh itu, jelaslah bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa dan bidangkuasa dalam Senarai Pertama iaitu menentukan status kesaharapan anak di Wilayah-Wilayah Persekutuan sahaja (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) yang termaktub di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984 (Akta 303).

Kerajaan Negeri pula mempunyai kuasa dan bidangkuasa dalam Senarai Kedua iaitu menentukan status kesaharapan anak dan hadhanah (penjagaan anak). Ini disebabkan setiap negeri di Malaysia mempunyai enakmen undang-undang keluarga Islam yang tersendiri yang berkuasa membuat peruntukan-peruntukan tertentu berkaitan isu kesaharapan anak.

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mempunyai kuasa dan bidangkuasa bersama dalam menguruskan kebajikan anak tak sah taraf seperti yang terkandung dalam Senarai Ketiga (Senarai Bersama). Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) di peringkat Kerajaan Persekutuan adalah untuk merealisasikan fungsi kebajikan seperti yang termaktub dalam Senarai Bersama tersebut.

Kewajipan menjaga kebajikan anak tak sah taraf terletak dalam Senarai Bersama di mana Kerajaan Persekutuan menggunakan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) sama ada kanak-kanak tersebut di kalangan orang Islam atau bukan Islam. Kuasa Kerajaan Negeri pula menggunakan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri masing-masing atau Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984 (Akta 303). Tertakluk kepada permohonan mana-mana pihak sama ada ibu atau waris ibu kepada anak tak sah taraf orang Islam, Mahkamah Syariah boleh memerintahkan seseorang kanak-kanak dijaga oleh mana-mana pihak lain atau ditempatkan di mana-mana persatuan. Contohnya, Seksyen 87 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah, 2008 telah memperuntukan iaitu :-

”Walau apa pun peruntukan seksyen 83, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan perintah memilih untuk meletakkan seseorang kanak-kanak dalam jagaan salah seorang daripada orang-orang yang tersebut di dalam seksyen itu atau, jika ada hal yang luar biasa yang menyebabkan tidak diingini bagi kanak-kanak itu diamanahkan kepada salah seorang daripada orang-orang itu, Mahkamah boleh dengan perintah meletakkan kanak-kanak itu dalam jagaan mana-mana orang lain atau mana-mana persatuan yang tujuannya adalah termasuk kebajikan kanak-kanak”

Di bawah KPWKM, diwujudkan pula JKM iaitu jabatan yang bertanggungjawab sepenuhnya melaksanakan polisi dan dasar bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berkaitan kebajikan terhadap wanita dan kanak-kanak antaranya termasuklah anak tak sah taraf. Oleh itu, semua negeri di Malaysia mempunyai JKM masing-masing bahkan wujud skim gunasama pegawai dan kakitangan JKM yang ditempatkan oleh KPWKM di seluruh negeri dengan tujuan pelaksanaan program kebajikan adalah selari dengan keputusan yang dibuat secara bersama. Terdapat akta-

akta tertentu yang digunapakai oleh KPWKM berkaitan pengurusan dan kebajikan anak tak sah taraf antaranya Akta Kaunselor 1998, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) dan Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257).

Dalam konteks anak tak sah taraf di kalangan orang Islam, Seksyen 80 (1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984 (Akta 303) dan Seksyen 81 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah, 2008 telah memperuntukan tentang kebajikan mereka dari aspek saraan nafkah iaitu :

“Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah”.

Begitu juga, Seksyen 85 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984 (Akta 303) dan Seksyen 86 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah, 2008 telah memperuntukan tentang kebajikan mereka dari aspek hadhanah (penjagaan) kepada ibu atau waris ibu iaitu :

“Penjagaan kanak-kanak tak sah taraf adalah semata-mata pada ibu dan saudara mara ibu”.

Sekiranya ibu atau waris ibu berhalangan untuk menjaga anak tak sah taraf, Mahkamah boleh memerintahkan JKM atau NGO yang berdaftar dengan JKM memberi perlindungan dan penjagaan kepada seseorang anak tak sah taraf sama ada Islam atau bukan Islam jika permohonan tersebut dibuat oleh Pelindung (pegawai yang diwartakan secara undang-undang mengikut Seksyen 8, Akta Kanak-Kanak 2001(Akta 611). Tafsiran anak tak sah taraf turut diperuntukan dalam Seksyen 17 (1) (d) (e) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan Peraturan-Peraturan iaitu :

(1) (d) : “Seseorang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan jika- ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu telah abai atau keberatan untuk mengadakan pemeliharaan, makanan, pakaian dan tempat berteduh yang mencukupi untuk kanak-kanak itu ;

(1) (e) : kanak-kanak itu – (i) tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga ; atau (ii) telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah ibu atau bapa atau penjaga itu tidak dapat ditemui,

dan tiada orang lain yang sesuai sanggup dan berupaya memelihara kanak-kanak itu”.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Isu kebajikan merupakan aspek terpenting dalam kehidupan anak tak sah taraf orang Islam di negara kita. JKM sebagai institusi kebajikan yang bertanggungjawab melaksanakan dasar dan polisi kerajaan melalui KPWKM berkaitan anak tak sah taraf dilihat masih kurang memuaskan. Terdapat lima isu penting yang dikenalpasti mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diatasi segera dan dibuat penambahbaikan iaitu :-

- a) Dari aspek pusat jagaan, Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2012) menyebut sebanyak 3831 kes kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dari JKM di seluruh Malaysia. Terdapat tiga pusat jagaan kanak-kanak iaitu Rumah Kanak-Kanak (RKK), Rumah Budak Laki-Laki (RB) dan Rumah Tunas Harapan (RTH) yang disediakan oleh JKM di Semenanjung Malaysia. Menurut Haslinda Abdul Samad, Penolong Pengarah Unit Kanak-Kanak di JKM Negeri Kedah menyatakan setakat ini belum wujud pusat jagaan anak-anak tak sah taraf orang Islam di negeri Kedah (Temubual, 2014, 13 Januari). Oleh itu, kerajaan dicadangkan agar mewujudkan pusat jagaan anak tak sah taraf di setiap negeri ataupun sekurang-kurangnya di setiap wilayah utara, selatan, timur dan barat di Semenanjung Malaysia selain di Sabah dan Sarawak.
- b) Dari aspek pendidikan dan masa depan, anak tak sah taraf yang tinggal di pusat jagaan kanak-kanak di bawah JKM hendaklah didedahkan dengan konsep pendidikan yang sempurna dan berteraskan agama barulah kehidupan mereka tidak mudah terancam dengan suasana yang sentiasa berubah. Kebimbangan ini makin dirasai apabila sosiobudaya masyarakat dunia global pada hari ini berubah dengan pantas ekoran muncul teknologi canggih dan komunikasi di alam maya yang boleh menggugat keimanan mereka. Oleh itu, JKM disaran mengutamakan pendidikan yang baik dan berteraskan agama berbanding pendidikan sosial atau latihan vokasional agar masa depan mereka terjamin selain memberi impak modal insan yang berguna kepada masyarakat dan negara.
- c) Dari aspek program dan pengisian ilmu di pusat jagaan, mekanisme pengurusan anak tak sah taraf yang ditempatkan di mana-mana institusi penjagaan atau perlindungan sama ada di bawah JKM atau NGO perlu dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa. Seksyen 30 (1) (b) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan JKM atau NGO yang berdaftar dengan JKM memelihara dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak (termasuk anak tak sah taraf) dalam suatu tempoh tertentu. Nisbah penjaga yang bertugas untuk menjaga anak-anak tersebut seharusnya ditambah, diberi latihan atau kursus *parenting skill* agar mereka benar-benar dapat memberi tumpuan, perhatian, kasih sayang dan responsif serta diberi kaunseling agar mereka menjiwai tugas mulia dengan menjaga anak-anak yang ketiadaan ibu bapa. Terdapat program tertentu yang disediakan oleh JKM di ketiga-tiga institusi tersebut iaitu jagaan dan perlindungan, bimbingan dan kaunseling, pelajaran, latihan vokasional, didikan agama dan moral, riadah dan perubatan serta kesihatan. Namun begitu, terdapat masalah salah laku dan disiplin di kalangan kanak-kanak yang mendiami di ketiga-tiga institusi tersebut terutamanya yang sedang meningkat remaja sama ada masalah peribadi dengan kanak-kanak lain di institusi tersebut, dengan rakan di sekolah ataupun dengan guru. Walau bagaimanapun, masalah tersebut dapat diatasi melalui sokongan dan bimbingan daripada petugas di institusi tersebut.
- d) Dari aspek pusat perlindungan wanita hamil luar nikah, semua penempatan wanita hamil luar nikah yang berdaftar dengan JKM akan ditempatkan di Pusat Jagaan Sinar Kasih di Batu Gajah, Perak dan Pusat Jagaan Sinar Kasih di Kompleks Penyayang di Sungai Buloh, Selangor. Ini disebabkan JKM hanya mempunyai dua pusat jagaan tersebut sahaja di Semenanjung

Malaysia. Selain itu, terdapat NGO iaitu OrphanCARE yang beroperasi di Petaling Jaya, Selangor telah menubuhkan '*Baby Hatch*'. Menurut Haslinda Abdul Samad, Penolong Pengarah Unit Kanak-Kanak di JKM Negeri Kedah, hanya sebuah NGO yang berdaftar dengan JKM Negeri Kedah untuk mewujudkan pusat perlindungan kepada remaja wanita yang mengandungkan anak tak sah taraf iaitu Pusat Jagaan Rumah Perlindungan Nurul Hana di bawah seliaan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Kedah yang dipengerusikan Dato Hj Daharah Binti Ismail (Temubual, 2014, 13 Januari).

Oleh itu, kerajaan disaran agar menubuhkan lebih banyak rumah perlindungan wanita hamil luar nikah di seluruh negeri kerana berlaku peningkatan wanita hamil luar nikah dari semasa ke semasa. Kerajaan tidak sepatutnya menyerahkan peranan tersebut kepada NGO semata-mata kerana bidangkuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah diperuntukan dalam Fasal 74, Perlembagaan Persekutuan yang termaktub dalam Senarai Bersama seperti yang dibincangkan di atas. Fungsi NGO hanya sekadar membantu JKM sahaja bukan merupakan tugas hakiki NGO itu sendiri.

- e) Dari aspek bantuan kewangan, Apabila JKM menerima permohonan berkaitan bantuan kewangan atau penempatan di pusat jagaan, JKM hendaklah memberi perhatian tentang permohonan tersebut melalui penyiasatan segera. Langkah segera tersebut adalah penting supaya tidak berlaku kecuai dalam memberi perlindungan dan saraan nafkah kepada anak tak sah taraf agar mereka tidak diabaikan atau dianiyai.

Sekiranya peruntukan bantuan kewangan terhad, JKM boleh memanjangkan permohonan tersebut kepada Baitulmal dan Jabatan Zakat di mana selepas penyiasatan dilakukan, kedua-dua intitusi tersebut dengan seberapa segera setelah berpuashati mengeluarkan bantuan kewangan kepada ibu atau waris ibu yang sanggup memelihara anak tak sah taraf tetapi tidak mempunyai sumber pendapatan. Kelambatan dalam memproses sesuatu permohonan atau meluluskan bantuan kewangan di institusi berkenaan boleh mencetuskan kejadian buruk kepada anak tak sah taraf itu sendiri.

Dalam satu kes yang boleh dijadikan contoh iaitu Ida (bukan nama sebenar), ibu kepada anak tak sah taraf bernama Nur (bukan nama sebenar) yang kini berusia 7 tahun dipelihara oleh ibunya dengan bantuan datuknya, Ali (bukan nama sebenar) yang bertanggungjawab sepenuhnya dari segi membiayai segala keperluan makan minum, pakaian dan persekolahannya. Ini disebabkan Ida tidak lagi bekerja dan kini tinggal bersama kedua ibu bapanya di kampung. Nur tidak mendapat apa-apa bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Baitulmal dan Jabatan Zakat meskipun Ida telah membuat aduan dan permohonan kepada ketiga-tiga institusi tersebut tetapi tiada maklumbalas (Temubual, 2014, 6 Mei).

KESIMPULAN

Kebajikan anak tak sah taraf merupakan agenda penting yang harus diutamakan oleh pihak berkuasa. Ketidakupayaan ibu dan waris ibu untuk menjaga kebajikan anak tak sah taraf perlulah diberi perhatian sama ada memperuntukan bantuan kewangan atau menyediakan perlindungan dan pemeliharaan yang sempurna di pusat-pusat jagaan di

bawah JKM atau NGO. Setiap pengisian program yang disediakan haruslah meletakkan agenda keagamaan agar dapat membentuk jati diri mereka sebagai Muslim yang baik. Kegagalan menguruskan kebajikan anak tak sah taraf mungkin mengakibatkan prestasi kehidupan mereka akan terganggu dan masa depan mereka menjadi gelap.

RUJUKAN

- Abdullah Basmei. (1998). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Cet. 15. Kuala Lumpur : Darul Fikri.
- Ahmad bin Abd al-Razak Al-Dawish. (1423/2002). *Fatawa Al-Lujnah Al-Daimah Lil Mabhus Al-'Alamiah Wa al-Ifta'*. Cet. 4. Riyadh : Al-Mamlakah Al-'Arabiyyah As-Su'udiyah, Muassasah Al-Amirah.
- Ahmad Shukri Abdul Hamid. (2012). Modal Sosial dan Kebajikan Kanak-Kanak. Dlm. Azlin Hilma Hillaluddin & Zarina Mat Saad. (pnyt). *Penilaian Psikososial Kanak-Kanak : Isu-Isu Kebajikan Dan Perkembangan*. Cet. 2. Sintok : UUM Press.
- Al-Khatib. As-Syeikh Shamsuddin Muhammad al-Syarbini. (1418H/1997M). *Mughni al-Muhtaj*. Juz. 3. Beirut : Dar al-Ma'rifah.
- Chan Cheong Chong, Azlin Hilma Hillaluddin & Iran Herman. (2012). Isu Penempatan Kanak-Kanak : Pandangan Pegawai Kebajikan Masyarakat Di Kedah. Dlm. Azlin Hilma Hillaluddin & Zarina Mat Saad, (pnyt), *Penilaian Psikososial Kanak-Kanak : Isu-Isu Kebajikan dan Perkembangan*. Cet. 2. Sintok : UUM Press.
- Dr Wahbah al-Zuhaily. (1409H/1989M). *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Juz. 7. Cet. 3. Damsyik : Dar al-Fikr.
- Kamus Dewan, Edisi Keempat. (2007). Cet. 2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (2012).
- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh & Nisar Mohammad Ahmad. (2011, 19-19 Nov). *Pengurusan dan Perlindungan Anak Tak Sah Taraf Melalui 'Baby Hatch' : Satu Penilaian Daripada Perspektif Maqasid Syariah Dan Undang-Undang Malaysia*. Kertaskerja ISLAC, UNISZA, Terengganu.
- Muhammad 'Ali bin Muhammad al-Syaukani. (1421H/2000M). *Nil al-Authar Sharah Muntaqa' Ahadis Min Ahadis Saiyyid al-Akhyar*. Juz. 7, Cet. 1. Beirut : Dar al-Fikr.
- Muhammad Bakir Yaakob & Khatijah Othman. (2012). Strategi Ke Arah Kebajikan Anak-Anak Dari Perspektif Islam. Dlm. Azlin Hilma Hillaluddin & Zarina Mat Saad. (pnyt). *Penilaian Psikososial Kanak-Kanak : Isu-Isu Kebajikan dan Perkembangan*. Cet. 2. Sintok : UUM Press.
- Salma Ishak, Jusmawati Fauzaman, Noor Azizah Ahmad & Fauziah Shaffie. (2012). Jagaan Di Institusi : Apa Pengalaman Dan Pandangan Kanak-Kanak. Dlm. Azlin Hilma Hillaluddin & Zarina Mat Saad. (pnyt). *Penilaian Psikososial Kanak-Kanak : Isu-Isu Kebajikan dan Perkembangan*. Cet. 2. Sintok : UUM Press.
- Wan Azmi Ramli. (1990). Kebajikan Masyarakat : Masalah dan Cabaran, *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. Vol. 12. No. 2.
- Haslinda Abdul Samad, Penolong Pengarah Unit Kanak-Kanak, JKM Negeri Kedah. (2014, 13 Januari). Aras 2, Wisma Persekutuan, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Anak Bukit, Kedah.
- Ida (bukan nama sebenar). (2014, 6 Mei). Batu 14, Simpang Empat Kerpan, Ayer Hitam, Kedah Darulaman.
- Aini (bukan nama sebenar). (2014, 6 Mei). Pusat Jagaan Rumah Perlindungan Nurul Hana (PJRPNH) di Lot 1889, Jalan Kompleks Pendidikan, Jalan Stadium, Alor Setar, Kedah. Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan Peraturan-Peraturan.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984 (Akta 303).
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah, 2008.
- Perlembagaan Persekutuan. (2009). Cet. 14. Kuala Lumpur : MDC Publishers Sdn. Bhd.